

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

JAWAPAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian tentang isu pemberhentian kerja dalam kalangan pekerja swasta terutamanya operator kilang dan sumber pendapatan alternatif selepas COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Pemberhentian Pekerja yang direkodkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia, seramai 67,068 pekerja tempatan dan 4,753 pekerja asing telah diberhentian kerja bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Pekerja-pekerja yang diberhentikan ini layak menerima faedah-faedah yang diperuntukan di bawah undang-undang perburuhan seperti:

- (i) Yang pertama, bayaran faedah penamatan kerja di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) mengikut tempoh perkhidmatan;
- (ii) Yang kedua, faedah di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Akta Skim Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800); dan
- (iii) Representasi pemulihan kerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) jika pekerja berkenaan merasakan pemberhentiannya tidak adil (*unfair dismissal*).

3. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), KSM telah mengeluarkan garis panduan berhubung perintah kuarantin, pemberhentian kerja, kelayakan cuti dan pemeriksaan kesihatan dalam kalangan pekerja sepanjang PKP. Selaras dengan Seksyen 60F dan Seksyen 60E(1B) Akta Kerja 1955 (Akta 265). Majikan yang gagal mematuhi garis panduan boleh dikenakan hukuman mengikut Akta 265.

4. Manakala pekerja yang diberhentikan kerja pula, kerajaan telah menyediakan bantuan berbentuk kewangan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan melalui agensi-agensi di bawah KSM seperti:

SOALAN NO : 35

5. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah PRIHATIN dan PENJANA, Kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** yang bertujuan untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan.

6. Di bawah SIP, pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan akan diberi bantuan kewangan segera untuk menampung perbelanjaan semasa dan juga bantuan pencarian pekerjaan baru. Jika syarat-syarat kelayakan dan caruman sebanyak 12 bulan dipenuhi, pekerja adalah layak untuk menuntut faedah penuh SIP seperti berikut:

- i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)
- ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)
- iii. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)
- iv. Elaun Latihan
- v. Fi Latihan (Dibayar kepada Penyedia Latihan)

Sekian, terima kasih.